

## Pemberontakan di Brunei

### Azhari Membuat Sejarah Berdarah di dalam Negeri Brunei

Pada malam 8 Disember yang lalu, terjadilah peristiwa pemberontakan berdarah di Brunei, yang dilakukan oleh angkatan “Tentera Nasional Kalimantan Utara” yang tulang belakangnya Parti Rakyat Brunei, dan mungkin pula oleh parti SUP (*Socialist United People Party*, di Sarawak). Yang akhir ini, kemudiannya menafikan yang mereka ada hubungan dengan pemberontakan di Brunei itu.

(Oleh: Pengulas Qalam)

Bersamaan dengan peristiwa itu Sheikh Azhari yang menamakan dirinya sebagai Perdana Menteri Kesatuan Borneo Utara, yang menyusun pemberontakan itu, bahwa pemberontakan itu menyatakan adalah disertai oleh Sultan Brunei sendiri sebagai suatu langkah untuk menentang penjajahan British di Kalimantan Utara, tetapi ternyata kemudiannya bahawa Sultan Brunei adalah tidak bersama-sama dengan mereka – yang menyebabkan bahwa zahir pemberontakan itu dipandang sebagai suatu perkara yang menentang Sultan sendiri – jika perjuangan itu hanya perjuangan untuk kemerdekaan Brunei sahaja.

Azhari sendiri adalah berada di Manila dalam masa pemberontakan itu dilakukan.

Beberapa lama sebelum peristiwa itu, tatkala Parti Rakyat memenangi hampir-hampir semua kerusi dalam pilihan raya Brunei (dikecualikan sebuah kerusi), Azhari, dalam menghadapi rancangan Malaysia yang telah mengumumkan bahwa Brunei menghendaki supaya Sarawak dan Sabah mestilah bersatu di bawah Kesultanan Brunei, sebab mengikut sejarahnya bahwa kedua-dua negeri itu dahulunya adalah di bawah kerajaan Brunei. Harus dengan cita-cita yang muluk ini Azhari memujuk Sultan menyertai tujuannya mengadakan tuntutan itu. Tetapi mungkin Sultan tidak berkenan kerana yang demikian, di dalam zaman demokrasi ini, berhajat kepada persetujuan rakyat masing-masing negeri yang berkenaan itu.

Di dalam peristiwa ini, terang dan nyata bahwa adanya Azhari di Filipina, cuba mendapatkan bantuan dari kerajaan Filipina tetapi di dalam kenyataan rasminya tatkala menjawab kepada pertanyaan kerajaan British, Filipina menegaskan bahwa kerajaan Filipina tidak campur sama sekali dan tidak pun menyokong pemberontakan yang dibuat oleh Azhari.

#### **Sokongan Indonesia.**

Dalam peristiwa berdarah ini, hanya Indonesia sahaja yang menunjukkan coraknya. Indonesia dengan terang-terang menyokong pemberontakan itu. *President* Sukarno sendiri di hadapan rapat umum telah menyatakan bahwa ia menyokong pemberontakan membebaskan diri dari penjajahan, sama ada penjajahan lama atau penjajahan baharu.

*President* Sukarno sendiri menyatakan sokongannya terhadap pemberontakan di Brunei ini dengan menyatakan bahwa pemberontakan ini suatu pemberontakan untuk melepaskan diri dari penjajah dan Indonesia tidak sekali “ada berniat hendak mengambil Kalimantan Utara”.

Adakah perdirian Indonesia ini benar? Bagi orang yang mengetahui hal ehwal yang ada di sekeliling perjuangan Parti Rakyat Brunei tentulah akan memandang apa yang tersirat daripada ucapan *President* Sukarno – bukan daripada apa yang diucapkan.



Suatu pemandangan yang indah di pelabuhan bandar Brunei (gambar dipetik dari warta Jabatan Agama Brunei).

Sepanjang yang diketahui, pada tahun 1953/4, Azhari sendiri dalam kenyataan kepada seorang wakil *Dār al-Islām* yang berada di Singapura, bahwa partinya bersedia akan memberi bantuan-bantuan atau pun mengadakan langkah-langkah keras, di dalam menegakkan persatuan seluruh negara Malaysia yang luas dengan mendapat bantuan dari Indonesia. Hubungan telah pun di buat.

Rancangan ini telah dibuat sebegitu lama iaitu sesudah Indonesia berjaya kelak mendapatkan Irian Barat, maka langkah-langkah untuk menduduki pulau timur yang di bawah Portugis dan juga Borneo Utara disiapkan. Untuk ini tentunya dibuat lebih dahulu perkembangannya. Perkembangan itu mestilah disalurkan menerusi kebudayaan dan setara dengan saluran ini dapatlah hati rakyat dipikat gemar kepada Indonesia dan memandang segala-galanya yang bercorak dari Indonesia adalah baik semata.

Perkembangan ini berjalan sebegitu pesatnya sehingga kerajaan di Malaya dan di Borneo Utara tidak menyedari akan kesan daripada tujuan-tujuan ini. Tidak ada sedikit pun dijaga atau dicemburui kesan-kesan ini. Badan perwakilan Indonesia dengan tegasnya dan dengan leluasa menjalankan tugas ini. Kalau ada perayaan-perayaan Indonesia maka dikirimlah orang-orang dan kenderaan meminta mereka datang ke perayaan Indonesia yang diadakan di tempat-tempat yang mustahak seperti Kuala Lumpur, Singapura dan Pulau Penang. Beribu-ribu wang digunakan kerana ini – ke Singapura di jemput orang-orang sehingga dari muara; di Kuala Lumpur, di daerah-daerah yang berhampirannya sehingga ke Negeri Sembilan; di Pulau Pinang, dari daerah Perak; (Parit Buntar dan sekelilingnya) serta di daerah Kedah.

Di dalam perjumpaan ini dengan sebegitu rupa ditanamkan perasaan-perasaan cinta kepada Indonesia. Tujuannya


kelak supaya, apabila sudah masak maka timbullah kemahuan menuntut supaya bersatu dengan Indonesia. Dan kalau kemahuan telah ada dari rakyat negeri ini maka jika perlu digunakanlah kekerasan dan senjata. Perbuatan ini nanti dijadikan sebab Indonesia akan membantunya kerana itu cita-cita membebaskan diri dari sesuatu golongan, penjajah lama atau penjajah baharu. Akhirnya maka berlakulah sabafar<sup>1</sup> di Brunei, yang patut diiktibar sebagai contoh “bahaya dari jiran kita”.

Dato' Kamarudin, Duta Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahwa peristiwa yang terjadi itu tentunya terbitnya dari “salah faham”. Pendapat ini benar sekiranya berkehendak kepada kebenaran. Tetapi keadaan sebaliknya. Peristiwa di Brunei itu hanya dijadikan sebab sahaja – tidak lain daripada itu – kerana ada tujuan-tujuan yang lebih

jauh terhadap kepada sifat-sifat “Inggerisnya” Sukarno untuk mengambil jajahan-jajahan lain untuk Indonesia. Sesudah Irian Barat, Borneo Utara, kemudian Malaya dan Filipina, berdasarkan sejarah bahwa semuanya adalah berasal dari satu rumpun atau satu kuasa. Inilah sangkaan-sangkaan ahlinya terhadap kepada sifat politik yang dibina sekarang.

Pemberontakan yang terjadi di Brunei – bukannya untuk daerah Brunei sahaja tetapi terang ditujukan meluas untuk mengambil daerah Sabah dan Sarawak, padahal gerakan itu adalah dibuat Brunei – dan tidak disertai daerah-daerah yang lainnya.

Sekiranya ditujukan untuk Brunei sahaja sudah tentu Azhari telah berjaya di dalam langkahnya dengan tidak menumpahkan setitik darah pun sebab partinya berjaya



Pemandangan yang indah kawasan Brunei *Dār al-Salām* (gambar dipetik dari majalah warta Jabatan Agama Brunei).

<sup>1</sup> Perkataan sebenar tidak dapat dikesan

di dalam pilihan raya yang lepas tetapi untuk tujuan yang lebih luas, untuk meletakkan Sabah dan Sarawak di bawah kuasanya tentunya tidak ada jalan lain selain daripada menggunakan senjata darah sebab dengan perlembagaan ia tidak akan terjadi kerana partinya tidak berpengaruh di daerah-daerah luar dari Brunei seperti yang didapatkan di dalam Brunei.

Dua perkara yang dapat dilihat dari langkah Azhari ini: pertama, dengan menggunakan nama Sultan sebagai alat daerah-daerah Sabah dan Sarawak – berdasarkan sejarah; dan kedua: dengan bantuan Indonesia pemberontakannya akan berjaya dan jika sudah berdiri kelak “kerajaannya” di Borneo Utara – ia boleh memilih bergabung dengan Indonesia kerana lebih hampir. Ini salah satu rencana penubuhan Malaysia Raya yang ditaja oleh pemimpin-pemimpin Indonesia tiga empat puluh tahun dahulu.

#### **Tuntutan sejarah.**

Suara Azhari hendak menyatukan Brunei itu dapat diambil dari sejarahnya sendiri.

Pada kurun yang keenam belas, Brunei adalah menjadi sebuah kuasa besar yang berdaulat di Borneo Utara. Sabah dan Sarawak terletak di bawah kerajaannya.

Pada tahun 1841 Sarawak telah diserahkan kepada James Brooke, sebagai jasanya memadamkan satu pemberontakan di bandar Kuching.

Pada tahun 1846 Labuan diserahkan kepada British kerana membuat pangkalan penentang lanun. Pada tahun 1877 sebahagian Borneo Utara diserahkan kepada Syarikat Perniagaan British dan pada tahun 1888 dengan suatu *treaty* menjadi daerah naungan British.

Dengan keadaan ini, Brunei yang tadinya daerahnya besar sekarang menjadi kecil. Luasnya sekarang hanya 2,226 batu persegi dengan berpenduduk sebanyak 83,877 orang, terdiri dari 45,135 Melayu, 21,795 cina, 3,900 orang suku Dayak dan 318 orang suku Melanau, 9,850 orang suku Bumiputera lainnya dan 2,879 orang lain-lain bangsa (mengikut banci tahun 1960).

Negeri Brunei, pada masa itu negeri yang miskin tetapi sesudah minyak dikeluarkan maka ia menjadi sebuah negeri yang kaya dan makmur serta mewah.

Berdasarkan kehidupan ini sangat sukar hendak di agak bahwa pemberontakan itu adalah terbitnya daripada kepayahan hidup. Zahir bahwa tentu ada anasir-anasir luar yang menghendaki sesuatu dari Borneo Utara. Anasir itu tentunya telah menggunakan dan meletakkan orang-orangnya atas tujuan itu dengan mengabui mata rakyat yang hidup makmur itu terceburlah di dalam peristiwa yang berdarah kerana menyampaikan tujuan-tujuan politik yang mempunyai latar belakang itu.

Di dalam kejadian ini adalah diharap supaya rakyat Brunei cepat menyedari supaya mereka jangan dijadikan alunan-alunan siyasah untuk meruntuhkan negeri sendiri, meruntuhkan hidup makmur dan aman sentosa. Alunan-alunan politik itu selalunya membawa keruntuhan Hidup, sebab kelak akan ada orang-orang yang mengambil peluang menghisap kekayaan negerinya untuk faedah sendiri dan satu-satu golongan sahaja. Waspadalah mereka yang berkenaan.